

# Melayu mampu saing: Mahathir

**BH 26 JAN 2001**

Oleh Ahmad Zaini Kamaruzzaman dan Hassan Omar

JITRA, Kuantan – Orang Melayu di Malaysia tidak boleh disifatkan lemah dan tidak mampu melaksanakan tanggungjawab besar kerana mereka sudah membuktikan mampu melaksanakan pelbagai tugas berat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tiada sesiapa pun yang boleh menganggap orang Melayu Malaysia sebagai masyarakat yang lemah dari aspek pemikiran, sekali gus menyebabkan mereka tidak mampu untuk melaksanakan tanggungjawab besar.

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak mahu membandingkan pencapaian orang Melayu negara ini dengan Singapura seperti yang dilakukan Perdana Menteri republik itu, Goh Chok Tong dan menganggap tindakan Goh sebagai hal ehwal dalaman Singapura.

Dengan mengambil contoh pencapaian orang Melayu dalam pelbagai bidang, Dr Maha-

thir berkata ada syarikat gergasi asing melantik orang Melayu Malaysia sebagai ketua pegawai operasi (CEO), selain turut mampu mengendalikan pesawat jenis Boeing 747 atau pesawat pejuang.

“Orang Melayu dalam negara boleh jadi profesor, bahkan ada syarikat gergasi asing melantik orang Melayu sebagai CEO.

“Ada syarikat lain seperti Shell yang ambil orang Melayu jaga keseluruhan Asia Tengah dan Asia Barat... menunjukkan pegawai Melayu berkebolehan.

“Nak suruh belayar seorang diri keliling dunia pun dia sanggup, nak suruh naik Gunung Everest pun boleh. Saya percaya tak ada orang yang boleh kata orang Melayu lemah otak, tak boleh buat itu dan ini,” katanya.

Awal September tahun lalu, Shell melantik Datuk Megat

**LIHAT MUKA 2**

## Kaum lain juga mampu laksana tugas: Mahathir

### DARI MUKA 1

Zaharuddin Megat Mohd Nor sebagai Pengarah Perniagaannya bagi kawasan Timur Tengah, Asia Selatan, Asia Barat dan Asia Tengah, selain Russia.

Ditanya mengenai perbandingan pencapaian orang Melayu Singapura dan Malaysia yang dilakukan oleh Goh, Dr Mahathir menegaskan beliau tidak berhasrat berbuat demikian.

“Dia (Goh) nak buat perbandingan itu dia punyanya hal. Saya tak peduli. Saya tak nak kata apa pun, tak buat perbandingan.”

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis sambutan Aidilfitri anjuran Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Kubang Pasu, di Sekolah Menengah Jitra, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, kaum lain di negara ini juga membuktikan mereka mampu melaksanakan tugas seumpama itu, malah ada pegawai peringkat tinggi dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang terdiri daripada masyarakat Cina.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir, rakyat Malaysia, terutama orang Melayu berhak memberikan reaksi berhubung kenyataan Goh.

Ditanya sama ada kenyataan Goh itu akan menjejaskan hubungan dua hala Malaysia-Singapura, beliau berkata ia kadang kala baik dan kadang kala sebaliknya.

“Hubungan dua negara (Malaysia-Singapura) selalu begitu kadang-kadang buruk, kadang-kadang baik... tak apalah,” katanya.